



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA, SIRI 5/2026

Malaysia Mengekalkan Trajektori Pertumbuhannya dengan Momentum Sektor dan Pasaran Buruh yang Stabil

PUTRAJAYA, 26 MEI 2026 – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), Siri 5/2026**. Edisi ini memberi tumpuan kepada statistik terkini yang dikeluarkan bagi suku tahun pertama 2026 (ST1 2026) dan beberapa statistik akan datang untuk April 2026. Ia juga merangkumi artikel khas bertajuk “Sektor Perkhidmatan Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)”. Artikel ini mengkaji bagaimana sektor Perkhidmatan kekal sebagai tonggak utama pertumbuhan ekonomi Malaysia. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), sektor ini dijangka menjadi pemacu utama transformasi ekonomi negara melalui pendigitalan, inovasi teknologi, produktiviti yang lebih tinggi dan ekonomi nilai tambah yang lebih besar.

Dalam landskap ekonomi yang lebih luas, Tinjauan Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa yang diterbitkan pada April 2026 mengunjurkan ekonomi global akan terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih perlahan dan sederhana, memandangkan risiko penurunan semakin meningkat di tengah-tengah ketidaktentuan global yang berpanjangan. Ketegangan geopolitik terus mempengaruhi pertumbuhan global dan tekanan inflasi. Keluaran Dalam Negari Kasar (KDNK) Global dijangka berkembang 3.1 peratus pada tahun 2026 dan 3.2 peratus pada tahun 2027, lebih perlahan berbanding purata pertumbuhan sekitar 3.4 peratus yang dicatatkan semasa 2024–2025 dan di bawah purata sejarah jangka panjang sebanyak 3.7 peratus di antara tahun 2000 dan 2019. Pada masa yang sama, inflasi keseluruhan global diunjurkan meningkat kepada 4.4 peratus pada tahun 2026 sebelum mereda kepada 3.7 peratus pada tahun 2027.

Sejajar dengan perkembangan ekonomi terkini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menekankan bahawa ekonomi Malaysia pada suku tahun pertama 2026 bertumbuh 5.4 peratus, menyederhana daripada 6.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, bagi pelarasan musim mengikut suku tahunan, ekonomi Malaysia mencatatkan penguncupan marginal 0.01 peratus berbanding pertumbuhan 1.4 peratus pada ST4 2025. Dari segi penawaran, sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, manakala kebanyakan sektor lain terus mencatatkan prestasi positif kecuali Perlombongan dan pengkuarian yang mencatatkan penurunan. Dari segi permintaan, pengembangan ekonomi disokong oleh perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan pembentukan modal tetap kasar.

Walaupun persekitaran luaran yang lebih mencabar, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) di Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhannya, meningkat 3.1 peratus pada Mac 2026 yang mana tidak berubah daripada Februari 2026. Sektor Pembuatan kekal sebagai pemacu utama, berkembang 5.5 peratus (Februari 2026: 4.2%), diikuti oleh Elektrik yang meningkat 4.9 peratus (Februari 2026: 4.6%). Sebaliknya, sektor Perlombongan terus menguncup, mencatatkan penurunan yang lebih ketara sebanyak 6.5 peratus berbanding penurunan 2.0 peratus pada bulan sebelumnya. Bagi asas bulan ke bulan, IPP mencatatkan peningkatan kukuh sebanyak 9.3 peratus, susulan penurunan 9.2 peratus pada Februari 2026. Bagi asas suku tahunan ke suku tahunan, IPP meningkat 4.0 peratus pada ST1 2026 berbanding tempoh yang sama pada 2025, dengan indeks sektor Pembuatan menunjukkan pengembangan 5.7 peratus dan sektor Elektrik pada 5.2 peratus, manakala indeks Perlombongan menunjukkan penurunan 2.9 peratus.

Sehubungan itu, nilai jualan sektor Pembuatan berkembang 5.3 peratus, mencecah RM173.1 bilion pada Mac 2026, meningkat daripada 3.9 peratus pada Februari 2026. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi kukuh dalam subsektor Produk elektrik dan elektronik (+13.3%), serta sumbangan kukuh daripada subsektor Makanan, minuman dan tembakau (+7.8%) dan subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam (+3.7%). Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan meningkat 8.7 peratus, meningkat daripada RM159.2 bilion yang dicatatkan pada Februari 2026. Secara keseluruhan, bagi suku tahun pertama 2026, sektor Pembuatan mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM501.5 bilion, meningkat 5.5 peratus berbanding 5.8 peratus pada suku tahun keempat 2025.

Disokong oleh momentum pertumbuhan ekonomi domestik yang berterusan, sektor Perkhidmatan Malaysia berkembang 8.1 peratus tahun ke tahun pada suku tahun pertama 2026, dengan hasil mencecah RM682.0 bilion. Selaras dengan itu, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 5.8 peratus kepada 168.0 mata dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, berdasarkan perbandingan suku tahun ke suku tahun, kedua-dua hasil dan indeks masing-masing mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana iaitu 0.6 peratus dan 0.1 peratus. Segmen Perdagangan borong dan runcit, Makanan dan minuman, dan Penginapan kekal

sebagai penyumbang utama, mencatatkan pertumbuhan 7.7 peratus tahun ke tahun dengan pendapatan berjumlah RM512.3 bilion pada suku tahun tersebut. Sementara itu, Indeks Volum bagi segmen ini meningkat sedikit 5.7 peratus kepada 166.3 mata.

Beralih kepada perkembangan luaran, Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia mencatatkan lebihan yang besar RM15.2 bilion pada suku tahun pertama 2026, disokong oleh prestasi kukuh dalam akaun barangan serta peningkatan berterusan dalam akaun perkhidmatan. Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM22.8 bilion pada ST1 2026 (ST4 2025: RM26.6 bilion), didorong oleh aliran masuk dalam instrumen hutang serta ekuiti dan dana pelaburan saham. Pelaburan ini terutamanya disalurkan ke dalam sektor Perkhidmatan, terutamanya subsektor Maklumat dan komunikasi. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negari (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM8.1 bilion pada ST1 2026 (ST4 2025: RM4.1 bilion), menunjukkan peningkatan pelaburan luar dalam sektor Perkhidmatan serta sektor Perlombongan dan pengkuarian.

Perdagangan luar Malaysia kekal kukuh pada Mac 2026, dengan jumlah perdagangan meningkat 9.3 peratus (+RM23.1 bilion) kepada RM273.0 bilion tahun ke tahun. Eksport meningkat 8.3 peratus (+RM11.4 bilion) kepada RM148.8 bilion, manakala import meningkat 10.4 peratus (+RM11.7 bilion) kepada RM124.2 bilion. Lebihan dagangan berada pada RM24.6 bilion, sedikit lebih rendah berbanding Mac 2025 sebanyak RM215.5 juta. Prestasi perdagangan Malaysia pada ST1 2026 mencatatkan pertumbuhan yang stabil, dengan jumlah perdagangan berkembang 10.4 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Eksport meningkat 12.7 peratus tahun ke tahun, manakala import mencatatkan pertumbuhan sederhana 7.7 peratus berbanding ST1 2025. Sementara itu, imbalan dagangan menunjukkan arah aliran menaik yang ketara, meningkat sebanyak 54.0 peratus. Bagi April 2026, jumlah perdagangan melonjak 28.6 peratus kepada RM336.7 bilion daripada RM261.9 bilion, didorong oleh prestasi eksport yang kukuh.

Dari segi harga, inflasi Malaysia meningkat 1.7 peratus pada Mac 2026, dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat kepada 136.4 daripada 134.1 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Inflasi pada Mac 2026 didorong terutamanya oleh kumpulan Pengangkutan yang meningkat kepada 1.6 peratus daripada 0.7 peratus pada Februari 2026. Pada suku tahun pertama 2026, inflasi meningkat 1.6 peratus, berbanding 1.3 peratus pada suku tahun keempat 2025, didorong terutamanya oleh harga yang lebih tinggi dalam kumpulan Penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan dan perkhidmatan (6.9%); Pendidikan (2.8%); dan Minuman alkohol dan tembakau (2.6%). Pada April 2026, inflasi meneruskan trend menaikinya, meningkat lagi kepada 1.9 peratus.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia meningkat 1.1 peratus pada Mac 2026, selepas mencatatkan penurunan 3.4 peratus pada Februari dan menandakan peningkatan pertama sejak Mac 2025. Sektor Perlombongan merekodkan peningkatan ketara 26.5 peratus, didorong oleh output yang lebih tinggi dalam pengekstrakan petroleum mentah (38.5%). Dalam sektor Utiliti, bekalan air meningkat 11.3 peratus, manakala Elektrik dan gas meningkat 9.6 peratus. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, IHPR untuk pengeluaran tempatan meningkat 4.1 peratus (Februari: -0.5%). Namun, pada asas suku tahunan, IHPR masih menguncup 1.7 peratus pada suku tahun pertama 2026, dipengaruhi oleh penurunan dalam sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan (-7.5%) dan sektor Pembuatan (-1.7%). Selain itu, IHPR Malaysia pada April 2026 mencatatkan peningkatan tertinggi sejak Ogos 2022, meningkat 5.4 peratus.

Pasaran buruh Malaysia secara umumnya kekal stabil pada Mac 2026, seperti yang dimaklumkan oleh Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, dengan tenaga buruh meningkat 0.3 peratus kepada 17.23 juta orang pada suku tahun pertama 2026 (ST4 2025: 17.19 juta orang). Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) berada pada 70.9 peratus, dengan jumlah penduduk bekerja seramai 16.73 juta orang, meningkat 0.3 peratus (+48.5 ribu) (ST4 2025: 16.68 juta orang). Sementara itu, kadar pengangguran menurun 0.1 mata peratusan kepada 2.9 peratus. Dari segi permintaan, jumlah pekerjaan mencatatkan peningkatan 1.8 peratus tahun ke tahun, mencecah 9.23 juta pekerjaan pada suku tahun pertama 2026.

Melihat ke hadapan, prospek ekonomi Malaysia dijangka kekal stabil. Hal ini disokong oleh peningkatan berterusan dalam Indeks Pelopor (IP) Malaysia yang meningkat 0.5 peratus tahun ke tahun pada Mac 2026 kepada 113.3 mata (Mac 2025: 112.7 mata). Pertumbuhan ini didorong oleh tiga daripada tujuh komponen, terutamanya lonjakan 32.3 peratus dalam Unit Perumahan Diluluskan. Namun begitu, penurunan Import Semikonduktor mengehendkan peningkatan keseluruhan. Secara bulanan, IP jatuh 0.1 peratus, terutamanya disebabkan oleh Import Benar Logam Asas Berharga dan Logam Bukan Ferus Lain yang lebih rendah (-0.9%). Trend jangka panjang kekal di bawah 100.0 mata, menandakan momentum sederhana dalam keaddan ketidaktentuan global dan tekanan inflasi. Walau bagaimanapun, aktiviti domestik yang kukuh dan pelaburan yang berterusan menyokong daya tahan terhadap kejutan luaran.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan "Data Nadi Ekonomi Rakyat". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpulkan data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 MEI 2026

Lampiran 1: Indikator Ekonomi Utama




Indeks Volum Perkhidmatan

5.8%
ST1 2026




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

4.9%
ST1 2026




Eksport

12.7%
ST1 2026




Import

7.7%
ST1 2026




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.6%
ST1 2026



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-1.7%
ST1 2026





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 5/2026

Malaysia Maintains Its Growth Trajectory with Sectoral Momentum and Labour Market Hold Steady

PUTRAJAYA, 26th MAY 2026 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 5/2026**. This edition focuses on the recent statistics released for the first quarter of 2026 (Q1 2026) and some forthcoming statistics for April 2026. It also includes a special article titled “Services Sector as the Driver of Malaysia’s Economic Growth in the Thirteenth Malaysia Plan.” The article examines how the Services sector remains as the main pillar of Malaysia’s economic growth. Under the Thirteenth Malaysia Plan (13MP), the sector is expected to become the key driver of the country’s economic transformation through digitalisation, technological innovation, higher productivity and a greater value-added economy.

Within the wider economic landscape, the International Monetary Fund’s World Economic Outlook released in April 2026 projects that the global economy will continue to expand, albeit at a slower and more moderate pace, as downside risks intensify amid the prolonged global uncertainties. Geopolitical tensions continue to influence global growth and inflation pressures. Global Gross Domestic Product (GDP) is expected to grow by 3.1 per cent in 2026 and 3.2 per cent in 2027, softening compared to the average growth of around 3.4 per cent recorded during 2024–2025 and below the long-term historical average of 3.7 per cent between 2000 and 2019. At the same time, global headline inflation is projected to rise to 4.4 per cent in 2026 before easing to 3.7 per cent in 2027.

In light of recent economic developments, Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, emphasised that Malaysia’s economy grew by 5.4 per cent in the first quarter of 2026, moderating from 6.2 per cent in the preceding quarter. On a seasonally adjusted quarterly basis, however, the economy registered a marginal contraction of 0.01 per cent, compared with a growth of 1.4 per cent in Q4 2025. From the supply side, the Services sector remained the key driver of growth, while most other sectors continued to record positive performance, except for Mining

and quarrying, which posted a decline. On the demand side, economic expansion was supported by private final consumption expenditure and gross fixed capital formation.

Despite a more challenging external environment, the Industrial Production Index (IPI) in Malaysia sustained its growth momentum, rising by 3.1 per cent in March 2026, unchanged from February 2026. The Manufacturing sector remained the principal driver, expanding by 5.5 per cent (February 2026: 4.2%), followed by Electricity which increased by 4.9 per cent (February 2026: 4.6%). In contrast, the Mining sector continued to contract, recording a sharper decline of 6.5 per cent compared with a 2.0 per cent decrease in the previous month. On a month-on-month basis, the IPI rebounded strongly by 9.3 per cent, following a decline of 9.2 per cent in February 2026. While on a quarter-on-quarter basis, IPI increased by 4.0 per cent in Q1 2026 as compared to the same period in 2025, with the Manufacturing sector indices showing an expansion of 5.7 per cent and Electricity sector at 5.2 per cent, while the Mining index showed a decrease of 2.9 per cent.

Accordingly, the Manufacturing sector's sales value expanded by 5.3 per cent, reaching RM173.1 billion in March 2026, up from 3.9 per cent in February 2026. Growth was supported by robust performance in the Electrical and electronics products sub-sector (+13.3%), as well as solid contributions from Food, beverages and tobacco sub-sector (+7.8%) and Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products sub-sector (+3.7%). On a month-on-month basis, sales value increased by 8.7 per cent, rising from RM159.2 billion recorded in February 2026. Overall, for the first quarter of 2026, the Manufacturing sector recorded total sales of RM501.5 billion, reflecting growth of 5.5 per cent compared with 5.8 per cent in the fourth quarter of 2025.

Underpinned by sustained domestic economic momentum, Malaysia's Services sector grew by 8.1 per cent year-on-year in the first quarter of 2026, with revenue reaching RM682.0 billion. Correspondingly, the Volume Index of Services increased by 5.8 per cent to 168.0 points over the same period. On a quarter-on-quarter basis, however, both revenue and the index recorded more moderate growth of 0.6 per cent and 0.1 per cent, respectively. The Wholesale and retail trade, Food and beverage, and Accommodation segment remained the main contributor, posting a year-on-year growth of 7.7 per cent, with revenue amounting to RM512.3 billion in the quarter. Meanwhile, the corresponding Volume Index for this segment edged up by 5.7 per cent to 166.3 points.

Turning to external developments, Malaysia's Current Account Balance (CAB) recorded a substantial surplus of RM15.2 billion in the first quarter of 2026, supported by a strong performance in the goods account as well as by continued improvement in the services account. Foreign Direct Investment (FDI) registered a net inflow of RM22.8 billion in Q1 2026 (Q4 2025: RM26.6 billion), driven by

inflows in debt instruments as well as equity and investment fund shares. These investments were primarily channelled into the Services sector, particularly the Information and communication sub-sector. Meanwhile, Direct Investment Abroad (DIA) recorded a net outflow of RM8.1 billion in Q1 2026 (Q4 2025: RM4.1 billion), reflecting increased outward investments in the Services sector as well as in the Mining and quarrying sector.

Malaysia's external trade remained robust in March 2026, with total trade increasing by 9.3 per cent (+RM23.1 billion) to RM273.0 billion year-on-year. Exports grew by 8.3 per cent (+RM11.4 billion) to RM148.8 billion, while imports rose by 10.4 per cent (+RM11.7 billion) to RM124.2 billion. The trade surplus stood at RM24.6 billion, slightly lower than in March 2025 by RM215.5 million. Malaysia's trade performance in Q1 2026 recorded steady growth, with total trade expanding by 10.4 per cent compared to the same period in the previous year. Exports increased by 12.7 per cent year-on-year, while imports registered a moderate growth of 7.7 per cent compared to Q1 2025. The trade balance showed a significant upward trend, rising by 54.0 per cent. For April 2026, total trade surged by 28.6 per cent to RM336.7 billion from RM261.9 billion, driven by strong export performance.

In terms of prices, Malaysia's inflation rose by 1.7 per cent in March 2026, with the Consumer Price Index (CPI) increasing to 136.4 from 134.1 points in the same month of the previous year. Inflation in March 2026 was mainly driven by Transport group, which rose to 1.6 per cent from 0.7 per cent in February 2026. In the first quarter of 2026, inflation increased by 1.6 per cent, compared with 1.3 per cent in the fourth quarter of 2025, primarily driven by higher prices in the Personal Care, Social Protection and Miscellaneous Goods and Services group (6.9%); Education (2.8%); and Alcoholic Beverages and Tobacco (2.6%). In April 2026, inflation continued its upward trend, rising further to 1.9 per cent.

Malaysia's Producer Price Index (PPI) increased by 1.1 per cent in March 2026, reversing a decline of 3.4 per cent in February and marking the first increase since March 2025. The Mining sector recorded a sharp surge of 26.5 per cent, driven by higher output in Crude petroleum extraction (38.5%). In the Utilities sector, Water supply rose by 11.3 per cent, while Electricity and gas increased by 9.6 per cent. On a month-on-month basis, the PPI for local production increased by 4.1 per cent (February: -0.5%). However, on a quarterly basis, it still contracted by 1.7 per cent in the first quarter of 2026, weighed down by declines in the Agriculture, forestry and fishing sector (-7.5%) and the Manufacturing sector (-1.7%). In addition, the Malaysia's PPI in April 2026 recorded its highest increase since August 2022, rising 5.4 per cent.

Malaysia's labour market remained broadly stable in March 2026, as highlighted by Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, with the labour force grew by 0.3 per cent to

17.23 million persons in the first quarter of 2026 (Q4 2025: 17.19 million persons). The Labour Force Participation Rate (LFPR) stood at 70.9 per cent, reflecting a total of 16.73 million employed persons, rose by 0.3 per cent (+48.5 thousand) (Q4 2025: 16.68 million persons). Meanwhile, the unemployment rate decreased by 0.1 percentage point to 2.9 per cent. On the demand side, the total number of jobs registered a year-on-year increase of 1.8 per cent, reaching 9.23 million jobs in first quarter of 2026.

Looking ahead, Malaysia's economic outlook is projected to remain stable. Underpinned by ongoing improvements in the Malaysia's Leading Index (LI) which rose 0.5 per cent year-on-year in March 2026 to 113.3 points (March 2025: 112.7 points). Growth was driven by three of seven components, led by a 32.3 per cent surge in Housing Units Approved. However, a drop in Semiconductor Imports limited overall gains. On a monthly basis, LI slipped 0.1 per cent, mainly due to lower imports of Other Basic Precious and Other Non-ferrous Metals (-0.9%). The long-term trend stayed below 100.0 points, signalling moderate momentum amid global uncertainties and inflationary pressures. Nevertheless, strong domestic activity and sustained investment supported resilience against external shocks.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed "Data Nadi Ekonomi Rakyat". The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:


THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26th May 2026

Exhibit 1: Quarterly Economic Indicator




Index of Services

5.8%
Q1 2026




Volume Index of Wholesale & Retail Trade

4.9%
Q1 2026




Exports

12.7%
Q1 2026




Imports

7.7%
Q1 2026



Consumer Price Index (CPI)

1.6%
Q1 2026



Producer Price Index (PPI) Local Production

-1.7%
Q1 2026

